

Kabinet baharu tampil ramai wakil Sabah, Sarawak?

KUALA LUMPUR 8 Mei - Barisan Kabinet baharu yang bakal dibentuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelak dijangka menampilkan lebih ramai menteri dan timbalan menteri dari Sabah dan Sarawak.

Jangkaan tersebut dibuat dengan mengambil kira keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu yang menyaksikan kejayaan calon-calon Barisan Nasional (BN) dari kedua-dua negeri tersebut merupakan penyumbang penting kepada kemenangan BN, sekali gus membentuk kerajaan di peringkat Pusat.

Pensyarah Geopolitik Fakulti Sains Sosial dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Fuad Mat**

Jali berkata, kemenangan parti-parti komponen BN di Sarawak dan Sabah telah membentuk lebih 30 peratus secara keseluruhan kemenangan BN di peringkat Persekutuan.

Sehubungan itu, wajar sokongan hebat para pengundi di Sabah dan Sarawak terhadap BN dihargai dan diiktiraf menerusi pelantikan lebih ramai wakil dari kedua-dua negeri itu di dalam Kabinet.

"Perdana Menteri pastinya mengambil kira faktor berkenaan dalam membentuk Kabinet baharu nanti serta dijangka turut sama membawa pembangunan dan insentif-insentif yang bakal merancak



DR. MOHD. FUAD MAT JALI



DR. JAYUM JAWAN

pembangunan sosioekonomi di kedua-dua negeri berkenaan.

"Malah, dengan melantik lebih ramai menteri atau timbalan menteri dari Sabah dan Sarawak sudah tentu dapat memudahkan urusan

mengorganisasi setiap projek-projek pembangunan tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pada PRU -13 lalu, parti komponen BN Sarawak menyumbang kemenangan 25 kerusi daripada 31 kerusi Parlimen yang dipertandingkan manakala Sabah menang 22 daripada 25 kerusi Parlimen.

Kedua-duanya membentuk 47 kerusi daripada 133 kerusi keseluruhan yang ditangi BN bagi membentuk Kerajaan Pusat.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Jayum Jawan** berpendapat,

memang wajar lebih banyak jawatan menteri penuh dapat diberikan kepada wakil dari Sarawak dan Sabah berdasarkan prestasi membangunkan yang telah ditunjukkan pada pilihan raya umum lalu.

"Walaupun ini bukan masa yang terbaik untuk menuntutnya, namun Perdana Menteri harus bijak menilai kerana rakyat kedua-dua negeri itu jelas menunjukkan sokongan kepada BN.

"Namun, apa yang lebih penting apabila Kabinet baharu dibentuk nanti, menteri-menteri yang dilantik perlu sedar bahawa mereka bukan mewakili mana-mana golongan masyarakat sama ada di semenanjung atau Sabah dan Sarawak tetapi untuk seluruh rakyat di negara ini," katanya.